



31 Disember 2019
31 December 2019
P.U. (A) 397

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KASTAM 2019

CUSTOMS REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERATURAN-PERATURAN KASTAM 2019

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
PENTADBIRAN

3. Waktu kerja biasa dan hari kerja
4. Pembukaan pejabat kastam dalam waktu bukan waktu kerja biasa
5. Pengangkutan bagi pegawai
6. Pelabuhan yang ditetapkan, dsb.

BAHAGIAN III
PELEPASAN PELABUHAN ATAU LAPANGAN TERBANG, DSB.

7. Pelepasan pelabuhan atau lapangan terbang apabila kapal atau pesawat udara berlepas
8. Kebenaran bagi kapal untuk melalui tempat pendaratan yang sah, dsb.

BAHAGIAN IV
PENGEMUKAAN MANIFES KAPAL ATAU PESAWAT UDARA

9. Pengemukaan manifes kapal atau pesawat udara yang tiba di, atau berlepas dari, pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam
10. Pernyataan yang diperakui di bawah seksyen 55 Akta
11. Aduan ketibaan atau berlepas kapal tempatan

BAHAGIAN V
PENGANGKUTAN BARANG ANTARA WILAYAH

12. Pengangkutan barang yang duti atau cukai telah dibayar

BAHAGIAN VI
PERAKUAN BARANG

Peraturan

13. Perakuan barang yang diekspor
14. Perakuan barang yang diimport
15. Perakuan barang yang diangkut dari pulau bebas cukai ke kawasan utama kastam
16. Perakuan barang yang diangkut dari kawasan utama kastam ke pulau bebas cukai

BAHAGIAN VII
PINDAH KAPAL DAN TRANSIT

17. Barang dalam proses pindah kapal melalui laut atau udara
18. Syarat-syarat untuk transit barang
19. Transit barang melalui kawasan utama kastam
20. Transit barang dari depot pelepasan pedalaman atau stesen kastam pedalaman untuk eksport
21. Barang yang dipindahkan dalam transit dari pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam, dsb.

BAHAGIAN VIII
TRANSIT SERANTAU

22. Pendaftaran bagi pemindahan barang dalam transit serantau
23. Syarat-syarat bagi pemindahan barang dalam transit serantau

BAHAGIAN IX
PENGANGKUT BERLESEN

24. Permohonan untuk menjadi pengangkut berlesen
25. Pemberitahuan perubahan butir-butir

BAHAGIAN X
GUDANG, KEDAI BEBAS CUKAI, DEPOT PELEPASAN PEDALAMAN ATAU PANGKALAN
BEKALAN PETROLEUM

26. Permohonan bagi lesen
27. Pengemukaan pelan
28. Pemberian lesen
29. Penggantungan, penarikan balik dan pembatalan lesen

Peraturan

30. Tanggungjawab am pemegang lesen
31. Tanggungjawab pemegang lesen di bawah seksyen 65 Akta
32. Tanggungjawab pemegang lesen di bawah seksyen 65A Akta
33. Tanggungjawab pemegang lesen di bawah seksyen 77B Akta
34. Pemindahan barang dari pangkalan bekalan petroleum ke kawasan utama kastam, dsb.
35. Pemegang lesen boleh mengarahkan pemindahan barang dari pangkalan bekalan petroleum, dsb.
36. Kebenaran untuk mendirikan bangunan, dsb., dalam pangkalan bekalan petroleum
37. Pegawai kanan kastam boleh memeriksa stok
38. Pegawai kanan kastam boleh menghendaki bungkusan atau bekas ditanda, disusun dan dilabel
39. Petroleum dan produk petroleum
40. Langkah-langkah keselamatan
41. Pemegang lesen untuk merekodkan butir-butir apabila menerima barang, dsb.

BAHAGIAN XI

PENGIMPORAN MINUMAN KERAS YANG MEMABUKKAN, TEMBAKAU DAN SPIRIT
TERNYAHASLI

42. Kehendak bagi lesen
43. Permohonan bagi lesen
44. Rekod inventori
45. Pemeriksaan rekod stok, dsb., minuman keras yang memabukkan, dsb.

BAHAGIAN XII

PENGIMPORAN, PENGEKSORTAN DAN PEMINDAHAN DALAMAN BARANG
KE DALAM ATAU DARI KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA

46. Pengimportan barang ke dalam Kawasan Pembangunan Bersama
47. Pengeksportan barang yang dikeluarkan dalam Kawasan Pembangunan Bersama dari Kawasan Pembangunan Bersama
48. Pemindahan dalaman barang
49. Pembayaran duti
50. Pemuatan dan pemunggaan barang dalam Kawasan Pembangunan Bersama

BAHAGIAN XIII

PENAKSIRAN DAN PEMBAYARAN DUTI

51. Anggaran mengenai kuantiti yang terkandung dalam peti, dsb.

Peraturan

52. Pemeriksaan
53. Pembayaran duti kastam di pulau bebas cukai
54. Pembayaran duti kastam bagi barang yang dipindahkan dari kawalan kastam untuk penggunaan tempatan
55. Akuan apabila tiba atau meninggalkan Malaysia
56. Akuan yang berhubungan dengan pulang balik

BAHAGIAN XIV
PELBAGAI

57. Permohonan bagi semakan semula
58. Bendera pencegah
59. Pembatalan
60. Peruntukan kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“alkohol” ertinya alkohol ethil;

“bir” termasuklah ale, stout, *porter* dan segala minuman keras yang ditapaikan lain yang dibuat daripada malt;

“hari kerja” ertinya mana-mana hari yang bukan hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am atau hari rehat;

“hari rehat” ertinya hari Sabtu;

“kenderaan barangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [*Akta 334*];

“perdagangan tempatan” ertinya pengangkutan barang mengikut laut dari suatu tempat di Malaysia ke suatu tempat lain di Malaysia tetapi tidak termasuk pengangkutan

dari pulau bebas cukai ke kawasan utama kastam bagi barang berduti yang diimport ke dalam kawasan tersebut atau pengangkutan dari kawasan utama kastam ke pulau bebas cukai bagi barang berduti yang dieksport dari kawasan tersebut;

“pulau bebas cukai” ertinya Labuan, Langkawi, Tioman atau Pangkor;

“spirit” ertinya apa-apa minuman keras yang mengandungi alkohol yang diperolehi melalui penyulingan;

“tembakau” termasuklah cerut, rokok, sedutan, *beedies* dan apa-apa keluaran kilangan tembakau lain yang seumpamanya termasuk tangkai tembakau, lebihan tembakau dan tembakau yang tidak diawet;

“transit serantau” ertinya pergerakan barang melalui darat merentasi wilayah satu atau lebih pihak penjanji di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Pemudahan Pengangkutan Barangan dalam Transit—

- (a) dari suatu pejabat kastam di Malaysia ke suatu pejabat kastam di negara lain; atau
- (b) dari suatu pejabat kastam di negara lain melalui Malaysia ke suatu pejabat kastam di negara lain.

BAHAGIAN II PENTADBIRAN

Waktu kerja biasa dan hari kerja

3. (1) Waktu kerja biasa pada hari kerja bagi pejabat kastam dibuka untuk urusan kepada orang ramai adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama.

- (2) Pejabat kastam hendaklah ditutup pada—
- (a) tiap-tiap hari kelepasan mingguan dan hari rehat;
 - (b) tiap-tiap hari kelepasan am Wilayah Persekutuan;
 - (c) tiap-tiap hari kelepasan am Negeri yang ditetapkan bagi Negeri di mana pejabat itu terletak; dan
 - (d) mana-mana hari atau dalam apa-apa waktu yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan *Warta*.

(3) Jika hari kelepasan am jatuh pada hari kelepasan mingguan di mana-mana Negeri atau Wilayah Persekutuan, pejabat kastam hendaklah ditutup pada hari yang berikutnya dan jika hari itu adalah juga hari kelepasan am, pejabat kastam hendaklah ditutup pada hari yang berikutnya.

(4) Jika tarikh sesuatu hari kelepasan diisytiharkan di bawah Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 369*], atau mana-mana undang-undang lain yang pada masa ini berkuat kuasa di mana-mana Negeri yang berhubungan dengan perisytiharan hari kelepasan am adalah tertakluk kepada ubah suaian, tarikh hari kelepasan tersebut, bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, tidak tertakluk kepada ubah suaian itu.

(5) Waktu kerja biasa yang semasanya barang, selain barang peribadi kepunyaan pengembara *bona fide*, boleh dimuatkan, dipunggah, didaratkan, dikapalkan, diturunkan dari kapal atau diangkut melalui air untuk dimuatkan atau dikapalkan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama.

(6) Waktu kerja biasa yang semasanya barang boleh diimport atau dieksport melalui jalan raya adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian III Jadual Pertama.

(7) Waktu kerja biasa yang semasanya barang, selain barang peribadi kepunyaan pengembara *bona fide*, yang tidak disimpan dalam gudang kastam boleh dipindahkan dari kawalan kastam adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian IV Jadual Pertama.

(8) Barang peribadi kepunyaan pengembara *bona fide* boleh dilepaskan dari kawalan kastam pada bila-bila masa sebagaimana yang ditetapkan dalam subperaturan (1) dan (6), melainkan jika diarahkan selainnya oleh Ketua Pengarah.

(9) Bagi mengelakkan keraguan, “hari kelepasan am Wilayah Persekutuan” dan “hari kelepasan am Negeri” masing-masing hendaklah termasuk “hari kelepasan Wilayah Persekutuan” dan “hari kelepasan Negeri”.

Pembukaan pejabat kastam dalam waktu bukan waktu kerja biasa

4. (1) Suatu pejabat kastam boleh dibuka dalam waktu selain waktu kerja biasa yang diperuntukkan dalam peraturan 3 tertakluk kepada syarat bahawa notis memohon pelanjutan waktu kerja biasa itu diberikan secara bertulis oleh pengimport atau pengeksport, atau ejen pengimport atau pengeksport itu, nakhoda sesuatu kapal atau ejennya, atau juruterbang sesuatu pesawat udara atau ejennya, kepada pegawai kastam yang hak tidak kurang dari satu jam sebelum tutup waktu kerja biasa.

(2) Pegawai kastam yang hak yang menerima notis itu boleh menggunakan budi bicaranya untuk meluluskan permohonan itu, atau untuk menolak permohonan itu jika notis tidak diberikan dalam masa yang dinyatakan dalam subperaturan (1) atau adalah tidak mungkin untuk bekerja dalam waktu yang dimohon itu.

(3) Suatu permohonan untuk melanjutkan waktu kerja biasa di bawah subperaturan (1) boleh ditarik balik oleh pemohon sebelum tutup waktu kerja biasa.

Pengangkutan bagi pegawai

5. Jika seseorang pegawai dikehendaki untuk hadir di mana-mana tempat di luar had tempat kerja biasanya, pemohon bagi perkhidmatannya boleh, menurut budi bicara

pegawai kastam yang hak, dikehendaki untuk menyediakan pengangkutan yang perlu untuk pergi dan balik dari tempat itu.

Pelabuhan yang ditetapkan, dsb.

6. (1) Pelabuhan, tempat mendarat, tempat import dan eksport, laluan untuk import dan eksport, lapangan terbang, depot pelepasan pedalaman dan stesen kastam pedalaman yang dinyatakan dalam Jadual Kedua ditetapkan sebagai pelabuhan kastam, tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang, tempat import dan eksport, laluan untuk import dan eksport, lapangan terbang kastam, depot pelepasan pedalaman dan stesen kastam pedalaman, untuk mengimport atau mengeksport barang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan ini, had pelabuhan kastam dalam Bahagian I Jadual Kedua hendaklah had yang ditetapkan oleh Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. No. 70 Tahun 1952*], Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sabah) [*Ord. No. 11 Tahun 1960*] dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sarawak) [*Ord. No. 2 Tahun 1960*].

BAHAGIAN III

PELEPASAN PELABUHAN ATAU LAPANGAN TERBANG, DSB.

Pelepasan pelabuhan atau lapangan terbang apabila kapal atau pesawat udara berlepas

7. (1) Suatu pelepasan pelabuhan bagi suatu kapal, atau suatu pelepasan lapangan terbang bagi suatu pesawat udara, untuk berlepas atau cuba untuk berlepas dari mana-mana pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam di bawah seksyen 37 Akta hendaklah dalam Borang Kastam No. 10 dalam Jadual Ketiga.

(2) Jika sebelum pelepasan kapal atau pesawat udara, terdapat apa-apa perubahan maklumat dalam pelepasan pelabuhan atau lapangan terbang, nakhoda kapal itu atau ejennya, atau juruterbang pesawat udara itu atau ejennya, hendaklah dengan

serta-merta memaklumkan pegawai kastam yang hak secara bertulis mengenai perubahan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kebenaran bagi kapal untuk melalui tempat pendaratan yang sah, dsb.

8. Kebenaran pegawai kastam yang hak bagi suatu kapal untuk melalui sepanjang tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang atau sepanjang suatu vesel samudera di bawah seksyen 49 Akta hendaklah dalam Borang Kastam No. 11 dalam Jadual Ketiga.

BAHAGIAN IV

PENGEMUKAAN MANIFES KAPAL ATAU PESAWAT UDARA

Pengemukaan manifes kapal atau pesawat udara yang tiba di, atau berlepas dari, pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam

9. (1) Nakhoda atau ejen tiap-tiap kapal, atau juruterbang atau ejen tiap-tiap pesawat udara termasuk pengangkut barang, yang tiba di atau berlepas dari mana-mana pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam hendaklah—

(a) dalam hal barang yang diimport atau hendak dieksport, mengemukakan manifes masuk atau keluar, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam Borang Kastam No. 4 dalam Jadual Ketiga; dan

(b) dalam hal barang untuk pindah kapal, manifes pindah kapal dalam Borang Kastam No. 5 dalam Jadual Ketiga.

- (2) Bagi maksud perenggan (1)(b), nakhoda atau ejen itu hendaklah—
- (a) mengemukakan bil muatan terus atau bil jalan udara terus yang meliputi barang yang dipindah kapal;
 - (b) membuktikan bahawa pelabuhan pemunggahan atau lapangan terbang pemunggahan adalah di luar Malaysia; dan
 - (c) membuktikan bahawa tiada penerima konsain tempatan atau pihak pemberitahu tempatan dalam bil muatan terus atau bil jalan udara terus itu, kecuali ejen perkapalan.
- (3) Barang yang telah dibenarkan untuk dipindah kapal—
- (a) tidak boleh kekal di bawah kawalan kastam melebihi tiga puluh hari dari tarikh ketibaan pertama kecuali dengan kelulusan Ketua Pengarah; dan
 - (b) tidak boleh dipecah pukat kecuali dengan kelulusan Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pernyataan yang diperakui di bawah seksyen 55 Akta

10. (1) Suatu pernyataan yang diperakui di bawah seksyen 55 Akta hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama, alamat dan nombor pengenalan nakhoda atau juruterbang atau ejen kapal, kapal tempatan atau pesawat udara;

- (b) nama dan nombor pendaftaran kapal, kapal tempatan atau pesawat udara;
- (c) tarikh ketibaan kapal, kapal tempatan atau pesawat udara;
- (d) pelabuhan atau lapangan terbang ketibaan;
- (e) pelabuhan atau lapangan terbang yang akhir;
- (f) nombor pendaftaran manifes;
- (g) nombor panggilan kapal;
- (h) kuantiti, perihal dan nilai barang yang belum dikeluarkan dari kapal disebabkan oleh kurang dikapalkan atau kurang didaratkan atau apa-apa sebab lain; dan
- (i) kuantiti, perihal dan nilai barang yang telah dikapalkan lebih atau didaratkan lebih.

(2) Barang yang telah dibuktikan kurang dikapalkan atau kurang didaratkan dan kemudian tiba di pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam, tiada duti kastam atau cukai hendaklah dibayar atas barang itu jika pegawai kastam yang hak berpuas hati bahawa duti kastam atau cukai atas barang itu telah dibayar lebih awal.

Akuan ketibaan atau pelepasan kapal tempatan

11. Suatu akaun bagi ketibaan kapal tempatan di bawah seksyen 54 Akta dan suatu akuan pelepasan kapal tempatan di bawah seksyen 58 Akta hendaklah dibuat dalam Borang Kastam No. 4 dalam Jadual Ketiga.

BAHAGIAN V
PENGANGKUTAN BARANG ANTARA WILAYAH

Pengangkutan barang yang duti kastam atau cukai telah dibayar

12. (1) Jika pemunya barang berhasrat untuk mengangkut barang yang duti kastam atau cukai telah dibayar dari satu wilayah ke wilayah yang lain, sama ada melalui zon bebas atau tidak, pemunya itu atau ejennya hendaklah mengemukakan Borang Kastam No. 3 dalam Jadual Ketiga kepada pegawai kastam yang hak di tempat di mana barang itu hendak diangkut, bersama-sama apa-apa dokumen yang berhubungan dengan barang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak.

(2) Pegawai kastam yang hak hendaklah meluluskan pengangkutan itu dan melepaskan barang itu jika dia berpuas hati bahawa barang itu adalah dimaksudkan bagi pengangkutan dan—

- (a) jika barang itu adalah suatu kelas barang yang dilarang atau disekat daripada eksport dengan bersyarat di bawah suatu perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta, semua kehendak di bawah perintah itu telah dipatuhi; atau
- (b) jika barang itu adalah suatu kelas barang yang bertanggung kepada duti kastam apabila dieksport, cagaran telah diberikan.

(3) Tiada barang boleh dimuatkan atau diangkut melalui air untuk dikapalkan atau dimuatkan ke dalam pesawat udara atau diangkut melalui udara bagi pengangkutan kecuali di bawah pengawasan atau di bawah arahan pegawai kastam yang hak.

(4) Bagi maksud peraturan ini—

"pengangkutan" ertinya pengangkutan barang dari satu wilayah ke satu wilayah yang lain dalam Malaysia melalui laut atau udara dan termasuklah pengangkutan melalui laut dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam wilayah itu; dan

"wilayah" ertinya Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah atau Sarawak.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI PERAKUAN BARANG

Perakuan barang yang dieksport

13. Jika apa-apa barang yang dieksport menurut seksyen 80, 84, 85 atau 86 Akta, pengeksport atau ejennya hendaklah mengemukakan suatu akuan dalam Borang Kastam No. 2 dalam Jadual Ketiga.

Perakuan barang yang diimport

14. Jika apa-apa barang yang diimport menurut seksyen 78, 81, 82 atau 83 Akta, pengimport atau ejennya hendaklah mengemukakan suatu akuan dalam Borang Kastam No. 1 dalam Jadual Ketiga.

Perakuan barang yang diangkut dari pulau bebas cukai ke kawasan utama kastam

15. Jika apa-apa barang diangkut dari pulau bebas cukai ke kawasan utama kastam menurut seksyen 157, 163D, 163M atau 163T Akta, orang yang bertanggungjawab bagi apa-apa kenderaan, kapal atau pesawat udara yang di dalamnya barang itu diangkut hendaklah mengemukakan suatu akuan dalam Borang Kastam No. 1 dalam Jadual Ketiga.

Perakuan barang yang diangkut dari kawasan utama kastam ke pulau bebas cukai

16. Jika apa-apa barang diangkut dari kawasan utama kastam ke pulau bebas cukai menurut seksyen 156, 163C, 163L atau 163S Akta, orang yang bertanggungjawab bagi apa-apa kenderaan, kapal atau pesawat udara yang di dalamnya barang itu diangkut hendaklah mengemukakan suatu akuan dalam Borang Kastam No. 2 dalam Jadual Ketiga.

BAHAGIAN VII
PINDAH KAPAL DAN TRANSIT

Barang dalam proses pindah kapal melalui laut atau udara

17. (1) Jika apa-apa barang di bawah pindah kapal dipindahkan dari—
- (a) mana-mana kapal atau pesawat udara untuk digudangkan dalam suatu gudang kastam atau gudang berlesen, atau suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, nakhoda kapal itu atau ejennya, atau juruterbang pesawat udara itu atau ejennya, hendaklah mengemukakan suatu akuan dalam Borang Kastam No. 8 dalam Jadual Ketiga kepada pegawai kastam yang hak di pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam ketibaan; atau
 - (b) suatu gudang kastam atau gudang berlesen, atau suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk ditempatkan di atas mana-mana kapal atau pesawat udara untuk eksport, nakhoda kapal itu atau ejennya, atau juruterbang pesawat udara itu atau ejennya, hendaklah mengemukakan suatu akuan dalam Borang Kastam No. 8 dalam Jadual Ketiga kepada pegawai kastam yang hak yang bertanggung jawab bagi gudang kastam atau gudang berlesen itu, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah itu.
- (2) Suatu akuan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan barang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak.

Syarat-syarat untuk transit barang

18. (1) Pemunya bagi barang dalam transit atau ejennya hendaklah—

- (a) mengemukakan cagaran bagi pematuhan yang sewajarnya terhadap peruntukan Akta dan semua perundangan subsidiarinya sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak;
- (b) mengemukakan apa-apa invois, arahan penyerahan atau apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan barang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak;
- (c) jika barang dalam transit melalui darat, memindahkan barang itu melalui saluran paip yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, atau jika barang dalam transit melalui rel, memindahkan barang itu melalui kawasan utama kastam;
- (d) jika barang dalam transit hendak dipindahkan melalui jalan raya selain melalui rel, memastikan bahawa barang itu dipindahkan oleh pengangkut berlesen dalam suatu kenderaan barangan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- (e) memastikan bahawa pemindahan barang dalam transit diselesaikan dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Jika pengimportan atau pengeksporan barang itu adalah dilarang atau disekat dengan bersyarat di bawah mana-mana perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta, pegawai kastam yang hak boleh menolak pemindahan barang dalam transit itu melainkan jika semua kehendak di bawah perintah itu telah dipatuhi.

Transit barang melalui kawasan utama kastam

19. Pemunya atau ejen barang yang dipindahkan dalam transit melalui kawasan utama kastam—

- (a) ke suatu tempat lain di luar kawasan utama kastam melalui darat dari suatu zon bebas atau suatu tempat di luar Malaysia, hendaklah

mengemukakan suatu akuan dalam Borang Kastam No. 8 dalam Jadual Ketiga kepada pegawai kastam yang hak;

- (b) ke suatu tempat di luar kawasan utama kastam melalui laut dari suatu tempat di luar Malaysia atau suatu tempat di luar kawasan utama kastam, hendaklah mengemukakan manifes yang disebut dalam peraturan 9 kepada pegawai kastam yang hak;
- (c) dari suatu negara lain ke suatu negara lain, hendaklah mengemukakan suatu akuan dalam Borang Kastam No. 8 dalam Jadual Ketiga kepada pegawai kastam yang hak.

Transit barang dari depot pelepasan pedalaman atau stesen kastam pedalaman untuk eksport

20. Apa-apa barang berduti yang telah dimuatkan untuk eksport di depot pelepasan pedalaman atau stesen kastam pedalaman dan yang ditunjukkan oleh bil muatan, invois atau dokumen lain yang meliputi barang itu untuk dieksport melalui suatu pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam dan barang itu dipindahkan dalam transit melalui jalan raya atau rel ke pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam itu, pemunya barang itu atau ejennya hendaklah mengemukakan suatu perakuan dalam Borang Kastam No. 2 dalam Jadual Ketiga kepada pegawai kastam yang hak di depot pelepasan pedalaman atau stesen kastam pedalaman itu.

Barang yang dipindahkan dalam transit dari pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam, dsb.

21. (1) Apabila pemunya barang berduti berhasrat untuk memindahkan keseluruhan atau sebahagian barang dalam transit dari mana-mana kawalan kastam, pemunya itu atau ejennya hendaklah mengemukakan suatu perakuan dalam Borang Kastam No. 8 dalam Jadual Ketiga kepada pegawai kastam yang hak di pejabat kastam di mana barang itu hendak dipindahkan dalam transit.

(2) Pegawai kastam yang hak boleh meluluskan pemindahan barang itu jika dia berpuas hati bahawa barang itu adalah untuk transit.

(3) Dalam hal barang yang mendarat di pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam yang hendak dipindahkan dalam transit ke depot pelepasan pedalaman atau stesen kastam pedalaman, pegawai kastam yang hak boleh meluluskan pemindahan itu dengan syarat bahawa ditunjukkan dalam bil muatan, invois atau dokumen lain yang barang itu adalah untuk dikonsain ke depot pelepasan pedalaman atau stesen kastam pedalaman itu.

(4) Dalam hal barang yang berasal dari suatu gudang atau gudang pengilangan yang dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], pegawai kastam yang hak hendaklah meluluskan pemindahan barang itu hanya bagi eksport.

BAHAGIAN VIII TRANSIT SERANTAU

Pendaftaran bagi pemindahan barang dalam transit serantau

22. (1) Jika mana-mana barang diimport atau dieksport untuk dipindahkan dalam transit serantau, pengimport atau pengeksport, atau ejen pengimport atau pengeksport itu, hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah bagi pendaftaran dalam bentuk dan dengan cara sebagaimana yang ditentukan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Pemudahan Pengangkutan Barangan dalam Transit.

(2) Selepas menerima suatu permohonan di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah hendaklah meluluskan pendaftaran itu tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah peraturan 23 dan hendaklah memberikan suatu nombor pengenalan kepada pengimport atau pengeksport itu.

(3) Jika pengimportan atau pengeksportan barang itu adalah dilarang atau disekat dengan bersyarat di bawah mana-mana perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta, pegawai kastam yang hak boleh menolak pemindahan barang dalam transit serantau itu melainkan jika semua kehendak di bawah perintah itu telah dipatuhi.

(4) Bagi maksud peraturan ini, pemindahan barang dalam transit serantau hendaklah tidak terpakai bagi pindah kapal, pengudangan, pecah pukal atau perubahan cara pengangkutan kecuali dengan kelulusan oleh Ketua Pengarah.

Syarat-syarat bagi pemindahan barang dalam transit serantau

23. Jika mana-mana barang diimport atau dieksport untuk dipindahkan dalam transit serantau, pengimport atau pengeksport, atau ejen pengimport atau ejen pengeksport itu, hendaklah mematuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak di tempat import atau eksport dokumen atau maklumat yang berikut:
 - (i) borang dokumen sertaan transit sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Pemudahan Pengangkutan Barangan dalam Transit;
 - (ii) bil muatan, bil jalan udara atau bil angkutan;
 - (iii) senarai pembungkusan yang menunjukkan barang itu dikonsain ke suatu destinasi di luar Malaysia;
 - (iv) inois dan arahan penyerahan yang menunjukkan penerima akhir berada di suatu negara selain Malaysia;
 - (v) risalah data keselamatan bahan barang itu yang dikeluarkan oleh mana-mana agensi yang berkaitan, jika berkenaan; dan
 - (vi) permit atau kelulusan yang dikeluarkan oleh mana-mana agensi yang berkaitan atas barang itu, jika berkenaan;
- (b) mengemukakan cagaran bagi pembayaran apa-apa duti kastam dan cukai dalam bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

- (c) barang itu dipindahkan melalui jalan raya dengan menggunakan apa-apa cara pengangkutan yang telah dikeluarkan dengan Permit Kenderaan Barang Rentas Sempadan ASEAN oleh pihak berkuasa yang berkenaan pihak pejanji;
- (d) barang itu dipindahkan melalui pos sempadan kastam dan laluan yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat;
- (e) tiada barang dalam transit serantau boleh dipunggah di Malaysia;
- (f) jika Malaysia merupakan negara berlepas dalam transit serantau, barang itu hendaklah dimuatkan di bawah kawalan kastam melainkan jika pengeksport adalah orang yang diiktiraf, pemuatan itu boleh dibuat di mana-mana premis sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- (g) pemindahan barang dalam transit serantau melalui Malaysia hendaklah diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah; dan
- (h) jika pemindahan barang dalam transit serantau adalah dari atau melalui Malaysia atau ke atau dari negara lain, barang itu hendaklah dimeterai dengan suatu meterai yang diluluskan oleh pihak berkuasa kastam negara berlepas.

BAHAGIAN IX PENGANGKUT BERLESEN

Permohonan untuk menjadi pengangkut berlesen

24. (1) Seseorang boleh memohon untuk menjadi seorang pengangkut berlesen jika—

- (a) orang itu ialah seorang pemunya berdaftar suatu kenderaan barangan yang dilesenkan di bawah kelas lesen yang dinyatakan dalam subseksyen 14(2) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987; atau
- (b) orang itu ialah seorang penyewa atau pemajak suatu kenderaan barangan yang dilesenkan di bawah kelas lesen yang dinyatakan dalam subseksyen 14(2) Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 di bawah suatu perjanjian pajakan.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dengan mengemukakan apa-apa butir-butir atau dokumen, dan mengikut apa-apa cara, sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan itu dan memberikan lesen kepada pemohon itu.

(4) Melainkan jika ditarik balik terlebih dahulu, lesen yang diberikan di bawah peraturan ini hendaklah bagi tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam lesen itu.

Pemberitahuan perubahan butir-butir

25. (1) Mana-mana orang yang telah diberikan suatu lesen di bawah peraturan 24 hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis apabila terdapat apa-apa perubahan—

- (a) dalam butir-butir mengenai pemunya berdaftar bagi kenderaan barangan itu termasuk pemilik berdaftar bagi kenderaan barangan di bawah perjanjian pajakan;
- (b) dalam perjanjian pajakan yang disebut dalam 24(1)(b); atau

(c) dalam apa-apa butiran lain yang diberikan oleh orang itu semasa memohon lesen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN X

GUDANG, KEDAI BEBAS CUKAI, DEPOT PELEPASAN PEDALAMAN ATAU PANGKALAN BEKALAN PETROLEUM

Permohonan bagi lesen

26. (1) Seseorang yang berhasrat untuk memohon suatu lesen di bawah seksyen 65, 65A, 65D, 65E atau 77B Akta—

(a) hendaklah suatu syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], Ordinan Nama-Nama Perniagaan 1948 Negeri Sarawak [*Sarawak Bab 64*] atau Ordinan Pelesenan Perniagaan 1948 Negeri Sabah [*Sabah Bab 144*]; dan

(b) mana-mana pengarah syarikat itu tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta, Akta Eksais 1976, Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*], Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*], Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*] yang dimansuhkan, Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*], Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*], Akta Pelindung 2006 [*Akta 657*] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan kastam.

(2) Suatu permohonan bagi suatu lesen di bawah seksyen 65, 65A, 65D, 65E atau 77B Akta hendaklah dibuat oleh pengarah syarikat itu dan hendaklah dalam dibuat dalam Borang JKDM No.1 dalam Jadual Ketiga.

(3) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada pegawai kanan kastam yang bertanggung jawab bagi daerah di mana gudang, gudang pengilangan, kedai bebas cukai, depot pelepasan pedalaman atau pangkalan bekalan petroleum yang dicadangkan itu terletak atau akan terletak bersama-sama kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan yang berkaitan untuk mengadakan atau membina gudang, gudang pengilangan, kedai bebas cukai, depoh pelepasan pedalaman atau pangkalan bekalan petroleum itu di kawasan tempatan itu atau di alamat yang dinyatakan dalam permohonan itu.

(4) Ketua Pengarah boleh membuat pemeriksaan atau pengujian ke atas mana-mana premis, termasuk apa-apa loji, yang baginya lesen telah dimohon.

Pengemukakan pelan

27. (1) Bagi maksud suatu lesen di bawah seksyen 65, 65A dan 77B Akta, pemohon bagi lesen itu hendaklah mengemukakan suatu pelan yang telah diluluskan oleh seorang arkitek yang berdaftar di bawah Akta Arkitek 1967 [*Akta 117*] yang menunjukkan yang berikut:

- (a) susun atur, pembinaan, loji dan peralatan premis itu;
- (b) had kawasan dan bangunan atau bahagian bangunan yang menjadi premis yang baginya lesen itu telah dimohon;
- (c) dalam hal gudang pengilangan, ruang untuk penyimpanan bahan mentah, produk siap, produk sisa dan ruang yang akan digunakan semata-mata untuk pengilangan barang berduti; dan
- (d) jika dikehendaki oleh Ketua Pengarah, ruang bagi pejabat kastam.

(2) Ketua Pengarah boleh, jika dia berpuas hati dengan pelan itu, meluluskan pelan itu dan menandatangani suatu salinan pelan itu.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, menghendaki pemohon untuk membuat apa-apa perubahan kepada pelan yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

Pemberian lesen

28. (1) Ketua Pengarah boleh, selepas menimbangkan permohonan bagi suatu lesen di bawah peraturan 26, apabila fi dibayar, memberikan atau mengeluarkan lesen dalam Borang JKDM No. 3 dalam Jadual Ketiga dengan atau tanpa syarat, atau tidak memberikan atau mengeluarkan lesen itu

(2) Fi yang kena dibayar bagi lesen adalah seperti yang berikut:

(a) berhubung dengan suatu lesen di bawah seksyen 65, 65A dan 65E Akta, fi ialah dua ribu empat ratus ringgit;

(b) berhubung dengan suatu lesen di bawah seksyen 65D Akta, fi ialah satu ribu dua ratus ringgit;

(c) berhubung dengan suatu lesen di bawah seksyen 77B Akta, fi ialah empat ribu lapan ratus ringgit.

(3) Jika suatu lesen telah ditarik balik atau dibatalkan, tiada pembayaran balik dalam apa-apa jua keadaan apa-apa bahagian fi yang telah dibayar berkenaan dengan lesen itu.

Penggantungan, penarikan balik dan pembatalan lesen

29. Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, melalui notis bertulis, menggantung, menarik balik atau membatalkan apa-apa lesen yang telah diberikan atau dikeluarkan di bawah peraturan 28.

Tanggungjawab am pemegang lesen

30. Mana-mana orang yang telah diberikan atau dikeluarkan suatu lesen di bawah peraturan 28—

- (a) hendaklah mempamerkan suatu salinan pelan yang diluluskan di bawah peraturan 27 di premis yang dilesenkan, kecuali bagi pangkalan bekalan petroleum;
- (b) tidak boleh menyimpang daripada pelan yang diluluskan di bawah peraturan 27 kecuali dengan kelulusan bertulis Ketua Pengarah;
- (c) hendaklah membuat apa-apa perubahan lanjut kepada pelan yang diluluskan di bawah peraturan 27 sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah pada bila-bila masa;
- (d) tidak boleh membuat apa-apa perubahan kepada premis yang dilesenkan kecuali dengan kelulusan bertulis Ketua Pengarah;
- (e) hendaklah menjalankan hanya aktiviti yang dinyatakan dalam lesen;
- (f) tidak menyimpan di dalam, atau memindahkan dari, premis yang dilesenkan apa-apa barang kecuali dengan kelulusan daripada Ketua Pengarah;
- (g) hendaklah membenarkan Ketua Pengarah untuk memeriksa premis yang dilesenkan, termasuk untuk memeriksa mana-mana loji di dalam premis itu; dan
- (h) hendaklah dengan serta-merta memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis apabila terdapat apa-apa perubahan dalam butir-butir syarikat yang diberikan oleh pemegang lesen termasuk pembubaran atau penggulungan syarikat.

Tanggungjawab pemegang lesen di bawah seksyen 65 Akta

31. Mana-mana orang yang telah diberikan lesen untuk mengendalikan gudang di bawah seksyen 65 Akta—

- (a) hendaklah memastikan bahawa barang yang disimpan dipindahkan dari gudang itu dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen;
- (b) tidak menyimpan apa-apa barang yang duti kastam telah dibayar, atau tidak menerima kembali ke dalam gudang itu apa-apa barang berduit yang sebelum itu telah dipindahkan, sama ada untuk eksport atau selainnya, tanpa mendapat kelulusan secara bertulis daripada pegawai kastam yang hak; dan
- (c) bagi maksud perlindungan hasil, hendaklah menyediakan sistem elektronik yang mencukupi yang mampu—
 - (i) untuk mengenal pasti barang yang dibawa masuk ke dalam dan dibawa keluar dari Gudang itu;
 - (ii) untuk mengenal pasti barang dan kategorinya yang disimpan di dalam gudang itu; dan
 - (iii) untuk menghasilkan laporan mengenai semua maklumat yang berhubungan dengan status barang yang dinyatakan dalam subperenggan (i) dan (ii); dan
- (d) mengemukakan senarai terkini penghuni kepada pegawai kastam yang hak.

Tanggungjawab pemegang lesen di bawah seksyen 65A Akta

32. Mana-mana orang yang telah diberikan lesen untuk mengendalikan gudang di bawah seksyen 65A Akta hendaklah—

- (a) menyimpan bahan mentah, produk siap dan produk sisa dalam ruang yang berasingan;
- (b) menggunakan ruang yang berasingan semata-mata untuk pengilangan barang berduti dan bukan untuk apa-apa maksud lain; dan
- (c) bagi maksud perlindungan hasil, menyediakan sistem elektronik yang mencukupi yang mampu—
 - (i) untuk mengenal pasti barang yang dibawa masuk ke dalam dan dibawa keluar dari gudang itu;
 - (ii) untuk mengenal pasti barang dan kategorinya yang disimpan di dalam gudang itu; dan
 - (iii) untuk menghasilkan laporan mengenai semua maklumat yang berhubungan dengan status barang yang dinyatakan dalam subperenggan (i) dan (ii).

Tanggungjawab pemegang lesen di bawah seksyen 77B Akta

33. Mana-mana orang yang telah diberikan lesen untuk menguruskan dan mentadbir pangkalan bekalan petroleum di bawah seksyen 77B Akta hendaklah—

- (a) menggunakan ruang simpanan yang berasingan semata-mata untuk menyimpan sisa dan bahan buangan daripada aktiviti hulu petroleum;
- (b) bagi maksud pengasingan pangkalan bekalan petroleum itu dari kawasan utama kastam dan perlindungan hasil, kecuali jika Ketua Pengarah mengarahkan sebaliknya, mendirikan dan menyenggarakan pagar atau dinding perimeter di sepanjang sempadan pangkalan bekalan petroleum itu dengan mengadakan pintu keluar dan pintu masuk bagi pergerakan orang, pengangkut, kapal dan barang, yang memasuki atau meninggalkan pangkalan bekalan petroleum itu;

- (c) menyimpan dan menjamin keselamatan semua barang yang dibawa ke dalam pangkalan bekalan petroleum itu; dan
- (d) bagi maksud perlindungan hasil, hendaklah menyediakan sistem elektronik yang mencukupi yang mampu—
 - (i) untuk mengenal pasti barang yang dibawa masuk ke dalam dan dibawa keluar dari pangkalan bekalan petroleum itu;
 - (ii) untuk mengenal pasti barang dan kategorinya yang disimpan dalam mana-mana premis atau gudang dalam pangkalan bekalan petroleum itu;
 - (iii) mengenal pasti barang yang telah dibayar duti kastam atau cukai, barang yang belum dibayar duti kastam atau cukai, barang yang duti kastam atau cukai dikecualikan dan barang yang dilarang dan berbahaya; dan
 - (iv) untuk menghasilkan laporan mengenai semua maklumat yang berhubungan dengan status barang yang dinyatakan dalam subperenggan (i), (ii) dan (iii).

Pemindahan barang dari pangkalan bekalan petroleum ke kawasan utama kastam, dsb.

34. (1) Apabila seseorang pemunya barang berhasrat untuk memindahkan barang itu dari suatu pangkalan bekalan petroleum, pemunya itu atau ejennya hendaklah—

- (a) dalam hal pemindahan barang berduti ke kawasan utama kastam, mengemukakan Borang Kastam No. 1 dalam Jadua Ketiga kepada pegawai kastam yang hak dan membayar duti kastam, melainkan jika barang itu dikecualikan daripada pembayaran duti kastam;

- (b) dalam hal pemindahan barang tidak berduti atau barang yang telah dibayar duti kastam ke mana-mana tempat di Malaysia, mengemukakan Borang Kastam No. 9 dalam Jadua Ketiga kepada pegawai kastam yang hak; atau
- (c) dalam hal pemindahan barang berduti, barang tidak berduti atau barang yang telah dikecualikan daripada pembayaran duti kastam bagi pemindahan sementara ke kawasan utama kastam, mengemukakan Borang Kastam No. 9 dalam Jadua Ketiga tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pemegang lesen boleh mengarahkan pemindahan barang dari pangkalan bekalan petroleum, dsb.

35. (1) Jika mana-mana orang telah membawa atau berniat untuk membawa apa-apa barang ke dalam suatu pangkalan bekalan petroleum, atau sedang menjalankan atau berniat untuk menjalankan apa-apa aktiviti atau operasi dalam suatu pangkalan bekalan petroleum, yang pada pendapat pemegang lesen pangkalan bekalan petroleum itu adalah berbahaya, pemegang lesen itu boleh memberi arahan secara bertulis kepada orang itu—

- (a) berkenaan dengan barang yang telah dibawa masuk ke dalam pangkalan bekalan petroleum itu, untuk memindahkan barang itu dari pangkalan bekalan petroleum itu;
- (b) berkenaan dengan barang yang diniatkan untuk dibawa masuk ke dalam pangkalan bekalan petroleum itu, untuk melarang barang itu daripada dibawa masuk ke dalam pangkalan bekalan petroleum itu;

- (c) berkenaan dengan apa-apa aktiviti atau operasi yang sedang dijalankan di pangkalan bekalan petroleum itu, untuk tidak meneruskan aktiviti atau operasi itu; atau
- (d) berkenaan dengan apa-apa aktiviti atau operasi yang diniatkan untuk dijalankan di pangkalan bekalan petroleum itu, untuk melarang aktiviti atau operasi itu daripada dijalankan di pangkalan bekalan petroleum itu.

(2) Pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Ketua Pengarah mengenai apa-apa aktiviti atau operasi yang tidak diteruskan menurut peraturan ini.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kebenaran untuk mendirikan bangunan, dsb., dalam pangkalan bekalan petroleum

36. (1) Tiada orang boleh mendirikan apa-apa bangunan atau struktur lain, atau memajakkan atau menyewakan apa-apa harta tidak alih dalam suatu pangkalan bekalan petroleum, kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pegawai kanan kastam boleh memeriksa stok

37. Mana-mana pegawai kanan kastam atau mana-mana pegawai kastam yang diwakili oleh pegawai kanan kastam itu bagi maksud itu boleh pada bila-bila masa memeriksa, meneliti, menimbang dan mengukur stok barang berdutai atau bahan mentah atau apa-apa barang lain yang berada di dalam premis yang dilesenkan di bawah seksyen 65, 65A, 65D, 65E atau 77B Akta, dan dia boleh bagi maksud itu memeriksa setiap

bungkusan atau bekas yang dijumpai dalam premis itu dan kandungan bungkusan atau bekas itu.

Pegawai kanan kastam boleh menghendaki bungkusan atau bekas ditanda, disusun dan dilabel

38. (1) Seseorang pegawai kanan kastam boleh menghendaki supaya bungkusan atau bekas yang dibawa masuk ke dalam premis yang dilesenkan di bawah seksyen 65, 65A, 65E or 77B Akta ditandakan dan dilabelkan oleh pemegang lesen dengan apa-apa tanda pengenalan bagi barang yang telah dibayar duti kastam atau cukai, yang belum dibayar duti kastam atau cukai termasuk barang yang duti kastam atau cukai dikecualikan, barang dilarang dan barang berbahaya.

(2) Bungkusan atau bekas yang dibawa masuk ke dalam premis itu hendaklah diletakkan atau disusun mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai kanan kastam bagi maksud memudahkan pemeriksaan dan semakannya.

(3) Seorang pegawai kanan kastam boleh menghendaki pemegang lesen untuk melekatkan pada tiap-tiap lot, timbunan, bandela, ikatan, bungkusan atau bekas lain barang berduti yang dipegang olehnya di premis berlesen itu suatu kad stok atau label lain, dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai kanan kastam itu.

(4) Kad stok atau label di bawah subperaturan (3) hendaklah menyatakan suatu akaun penuh dan benar mengenai kandungan lot, timbunan, bandela, ikatan, bungkusan atau bekas lain yang padanya kad stok dan label itu dilekatkan dan pemegang lesen itu hendaklah, sebaik sahaja dia menyedari apa-apa perubahan dalam kandungan lot, timbunan, bandela, ikatan, bungkusan atau bekas lain itu, mengubah sewajarnya akaun yang terkandung dalam kad atau label itu.

Petroleum dan produk petroleum

39. Berhubung dengan suatu lesen yang diberikan di bawah seksyen 65 atau 65A Akta, peruntukan yang berikut hendaklah sebagai tambahan terpakai bagi petroleum dan produk petroleum:

- (a) Ketua Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, menetapkan kuantiti maksimum petroleum yang boleh dibenarkan yang boleh dihapuskan sebagai kerugian penyejatan berkenaan dengan petroleum dalam simpanan atau dalam transit;
- (b) pemegang lesen itu tidak boleh mengubah gred apa-apa keluaran petroleum yang disimpan di dalam mana-mana premis yang dilesenkan di bawah seksyen 65 Akta, dengan pengadunan atau dengan cara lain, tanpa kelulusan bertulis terdahulu Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) produk sampingan petroleum yang terhasil daripada apa-apa proses pengilangan di gudang yang dilesenkan di bawah seksyen 65A Akta yang merupakan suatu kelas yang tidak bertanggung kepada duti kastam, hanya boleh dikeluarkan dari gudang itu dengan kelulusan pegawai kanan kastam.

Langkah-langkah keselamatan

40. Pemegang lesen suatu premis yang dilesenkan di bawah Bahagian ini hendaklah memastikan keselamatan premis itu dengan mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (a) membenarkan hanya orang yang diberi kuasa olehnya untuk memasuki, meninggalkan dan tinggal dalam premis itu;
- (b) mengawal pergerakan dan menjamin keselamatan barang yang dibawa masuk ke dalam atau keluar dari premis itu;
- (c) mengambil langkah berjaga-jaga terhadap kebakaran sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Act 341*] atau apa-apa langkah keselamatan lain yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) memastikan premis itu dalam keadaan yang bersih setiap masa; dan

- (e) memasang peralatan kawalan keselamatan dan peralatan pemantauan yang sesuai.

Pemegang lesen untuk merekodkan butir-butir apabila menerima barang, dsb.

41. (1) Pemegang lesen suatu gudang hendaklah merekodkan butir-butir penerimaan dan penghantaran barang pada masa setiap penerimaan dan penghantaran barang itu atau secepat yang mungkin selepas penerimaan atau penghantaran itu dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada hari yang sama sebelum gudang itu ditutup.

(2) Pemegang lesen suatu kedai bebas cukai hendaklah merekodkan butir-butir penerimaan dan penjualan barang berduit pada masa setiap penerimaan dan penjualan barang berduit itu atau secepat yang mungkin selepas penerimaan atau penjualan itu dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada hari yang sama sebelum kedai bebas cukai itu ditutup untuk perniagaan.

(3) Pemegang lesen suatu pangkalan bekalan petroleum hendaklah merekodkan butir-butir penerimaan dan penghantaran barang pada masa setiap penerimaan dan penghantaran barang itu atau secepat yang mungkin selepas penerimaan atau penghantaran itu dan dalam apa-apa hal tidak lewat daripada hari yang sama sebelum akaun pangkalan bekalan petroleum itu ditutup bagi hari itu.

(4) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rekod di bawah peraturan ini sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak.

(5) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN XI
PENGIMPORAN MINUMAN KERAS YANG MEMABUKKAN, TEMBAKAU DAN SPIRIT
TERNYAHASLI

Kehendak bagi lesen

42. (1) Tiada orang boleh mengimport minuman keras yang memabukkan, tembakau atau spirit ternyahasli kecuali dengan suatu lesen yang diberikan oleh atau di bawah arahan Ketua Pengarah.

(2) Jika pegawai kanan kastam berpuas hati bahawa minuman keras yang memabukkan atau tembakau yang diimport adalah diniatkan bagi kegunaan peribadi pengimport itu dan bukan untuk jualan, atau minuman keras yang memabukkan atau tembakau yang diimport dikecualikan daripada pembayaran duti kastam di bawah seksyen 14 Akta, minuman keras yang memabukkan atau tembakau itu boleh diimport tanpa lesen.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Permohonan bagi lesen

43. (1) Suatu permohonan bagi suatu lesen di bawah peraturan 42 hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh, apabila fi sebanyak dua ribu empat ratus ringgit dibayar, memberikan lesen itu dalam Borang Kastam No. 12 dalam Jadual Ketiga dengan atau tanpa syarat, atau tidak memberikan lesen itu.

(3) Melainkan jika ditarik balik terlebih dahulu, suatu lesen yang diberikan hendaklah bagi tempoh dua belas bulan.

(4) Ketua Pengarah boleh menggantung atau membatalkan mana-mana lesen yang diberikan jika pemegang lesen tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau perundangan subsidiarinya atau syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.

(5) Jika suatu lesen dibatalkan, tiada pembayaran balik dalam apa-apa jua keadaan apa-apa bahagian fi yang telah dibayar berkenaan dengan lesen itu.

Rekod inventori

44. (1) Tiap-tiap orang yang dilesenkan untuk mengimport minuman keras yang memabukkan, tembakau atau spirit ternyahasli hendaklah menyimpan rekod inventori dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris dalam bentuk dan mengikut cara yang diluluskan oleh Ketua Pengarah yang di dalamnya hendaklah dicatatkan setiap hari—

(a) kuantiti minuman keras yang memabukkan, tembakau atau spirit ternyahasli yang diimport olehnya;

(b) tarikh pengimportan; dan

(c) cara pelupusan minuman keras yang memabukkan, tembakau atau spirit ternyahasli itu, sama ada secara pemindahan ke stok runcit atau secara jualan atau selainnya, berserta nama pembeli borong atau orang yang berkenaan itu.

(2) Rekod inventori di bawah subperaturan (1) hendaklah diimbangkan pada waktu perniagaan ditutup pada hari terakhir setiap bulan.

